

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)  
SOALAN 20 (A44)**

Apakah langkah-langkah yang dilakukan PBT untuk meningkatkan mutu perkhidmatan aduan yang bersepadu dan responsif?

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor komited dalam meningkatkan mutu perkhidmatan aduan secara bersepadu dan responsif terhadap masyarakat umum. Selain perkhidmatan di kaunter dan melalui talian telefon (*hotline*), saluran-saluran aduan baharu turut diwujudkan bagi memudahkan orang awam menyalurkan aduan mereka seiring dengan perkembangan teknologi komunikasi semasa.

Antara pendekatan yang diambil pihak PBT adalah dengan menggunakan sistem aduan awam yang boleh diakses lebih mudah melalui telefon pintar seperti berikut:

1. Aplikasi i-Tegur  
Saluran aduan utama yang dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT);
2. Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA)  
Sistem aduan awam yang dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA);
3. Laman Sosial Rasmi  
Talian WhatsApp, Facebook atau Twitter
4. Portal Rasmi PBT
5. 1MOCC
6. Ahli-Ahli PBT

Berpandukan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bil.1/2009, aduan hendaklah diambil tindakan dalam tempoh 7 hari dan maklum balas dikeluarkan kepada pengadu dalam tempoh 15 hari. Sebagai langkah pemantauan, mesyuarat pemantauan aduan akan diadakan pada setiap 2 minggu sekali untuk memastikan setiap aduan diambil tindakan sewajarnya. Selain itu, langkah proaktif seterusnya adalah dengan mengadakan kaunter aduan bergerak yang ditempatkan di kawasan tumpuan bagi memudahkan orang awam membuat aduan secara terus. Bagi kawasan yang bertaraf Bandaraya pihak PBT telah menujuhkan "Skuad Lensa bagi menjadi "Mata dan Telinga" sebagai langkah pencegahan daripada masalah menjadi aduan dan Unit Tindakan Cepat (UTC) yang berperanan mengambil tindakan segera bagi aduan-aduan yang boleh diambil tindakan serta merta.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)  
SOALAN 21 (A189)**

Seperti yang kita tahu isu LGBT sangat berleluasa sekarang ini, apakah usaha-usaha dan tindakan kerajaan negeri untuk membanteras isu tersebut supaya anak-anak muda tidak terjerumus dalam masalah LGBT?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri Johor merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas amar maaruf dan nahi mungkar kepada seluruh umat Islam di negeri Johor ini termasuk golongan LGBT.

Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pembangunan Keluarga telah menganjurkan program-program berkaitan usaha-usaha untuk mencegah dan membanteras aktiviti LGBT di negeri Johor. Antara program yang telah dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan adalah Program Jauhi dan Benci Zina yang telah Berjaya dilaksanakan sebanyak 35 kali sepanjang tahun 2019 yang mensasarkan peserta di sekolah-sekolah menengah, kolej vokasional dan institusi pengajian tinggi di seluruh negeri Johor.

Selain itu juga Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri Johor sentiasa menjalankan rondaan dan pemeriksaan di premis-premis, taman rekreasi dan lain-lain tempat awam di sekitar negeri Johor dalam usaha membanteras aktiviti LGBT daripada berleluasa.

Pihak kami juga mengambil maklum dan akan bertindak ke atas aduan awam berkenaan dengan kesalahan-kesalahan jenayah syariah termasuk aduan berkenaan aktiviti LGBT.

Berpandukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997, terdapat beberapa seksyen yang boleh dikaitkan dengan LGBT iaitu :

- Seksyen 25 EKJSNJ 1997 (Kesalahan Liwat)
  - Mana-mana orang lelaki yang melakukan liwat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
- Seksyen 26 EKJSNJ 1997 (Musahaqah)

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

- Mana-mana orang perempuan yang melakukan musahaqah ( lesbian ) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau sebat tidak melebihi 6 sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
- Seksyen 28 EKJSNJ 1997 ( Orang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan)
- Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM1000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Selain daripada Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pembangunan Keluarga juga telah melaksanakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan golongan LGBT ini. Program yang dilaksanakan lebih ke arah menyantuni golongan-golongan LGBT ini dengan menerapkan kesedaran dan berusaha kembali ke jalan yang benar selain menjauhi perkara-perkara yang menjerumus ke arah kemungkar dan perbuatan tidak bermoral.

Bahagian Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Negeri Johor juga telah melaksanakan program-program yang melibatkan golongan LGBT antaranya :

- KELAS FARDHU AIN DAN AL-QURAN
- SEMINAR RAHMAH MENYANTUNI UMMAH ( PROGRAM PENCEGAHAN )
- KEMBARA ROHANI
- PUSPA KEMBOJA ( PENGURUSAN JENZAH )
- MAJLIS SAMBUTAN KEBESARAN ISLAM
- LAMBAIAN KAABAH ( KURSUS UMRAH )
- IHYA' RAMADHAN

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)  
SOALAN 22 (A45)**

Adakah PBT ada menjalankan kajian lengkap dan survey terhadap kepuasan dan pendapat masyarakat terhadap perkhidmatan di setiap PBT sebagai rujukan untuk penambahbaikan dan sekiranya ada apakah daptan kajian tersebut?

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor ada menjalankan Kajiselidik Kepuasan Pelanggan secara tahunan dan hasil daptan daripada kajian tersebut akan dibentangkan semasa Mesyuarat untuk diambil perhatian dan tindakan oleh jabatan yang berkenaan.

Secara keseluruhan pencapaian prestasi PBT Negeri Johor menunjukkan lebih 80% masyarakat adalah berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh PBT-PBT.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN MOHD IZHAR AHMAD (LARKIN)  
SOALAN 23 (A2)**

Apakah mekanisme yang digunakan oleh kerajaan dalam usaha pemantauan rumah-rumah PPR yang tidak didiami oleh pemohon sendiri?

**JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD**

Untuk makluman Yang Berhormat, pemantauan Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Sewa Kerajaan (RSK) dilaksanakan oleh pegawai-pegawai di Seksyen Pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan serta pegawai-pegawai yang ditempatkan di PPR / RSK terlibat. Pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan akan menjalankan siasatan sekiranya terdapat maklumat unit-unit yang didapati tidak diduduki oleh penyewa dan sekiranya didapati ianya terbukti maka tindakan satu Notis Pengosongan Premis akan dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan serta-merta dan premis akan dirampas.

Sehingga 17 November 2019, sebanyak 55 kesalahan direkodkan dan diambil tindakan bagi kesalahan sewa atas sewa (*sublet*) melibatkan PPR Sri Iskandar, PPR Sri Stulang dan PPR Melana 1. Manakala, bagi tindakan kesalahan unit yang tidak didiami adalah sebanyak 38 kesalahan direkodkan.

Sedia maklum bahawa jumlah PPR dan RSK yang diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan sehingga November 2019 adalah sebanyak 12,122 unit. Sehubungan itu, tindakan pemantauan oleh pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan dilakukan dengan sebaik mungkin bagi memastikan rumah-rumah PPR dan RSK ini mencapai maksud fungsinya untuk memberi manfaat kepada rakyat khususnya golongan B40.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)  
SOALAN 24 (A57)**

Mohon isu Gajah di ladang-ladang dalam Gugusan Lok Heng segera diatasi dengan mempercepatkan binaan Pusat Santuari Gajah di Hutan Panti.

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Konflik gajah yang berlaku khususnya di daerah Kota Tinggi sememangnya dalam perhatian Kerajaan Negeri Johor kerana memberi kesan secara komprehensif dengan membabitkan penduduk setempat, aktiviti pertanian dan haiwan berkenaan.

Justeru itu, Jabatan PERHILITAN Negeri Johor dalam siasatannya telah mengenalpasti bahawa kumpulan gajah yang dikesan hadir di sekitar FELDA Gugusan Lok Heng merupakan Kumpulan Gajah Panti sebanyak 30 hingga 40 ekor memandangkan lokasinya bersebelahan dengan Hutan Simpan Kekal Seluyut – merupakan habitat semulajadi dan kawasan rayau kumpulan gajah tersebut.

Siasatan PERHILITAN juga mendapati kelemahan pada Sistem Pagar Elektrik Gajah yang dibina oleh pihak FELDA serta faktor penyumbang lain seperti perincian berikut:

- a) Sistem berkenaan dibina secara terbuka yang masih bebas dibolosi / dilalui oleh gajah tersebut ke kawasan ladang;
- b) Pembinaan sistem pagar elektrik yang tidak menyeluruh dengan menyaksikan ladang persendirian tidak membina sistem tersebut;
- c) Di samping itu, jangka masa tanaman kelapa sawit yang tidak seragam juga menjadi faktor penyumbang konflik berkenaan;
- d) Sistem pagar elektrik di Ladang FGV Bukit Aping Timur tidak diselenggara selepas pokok-pokok berusia melebihi 5 tahun;
- e) Kumpulan gajah terarah ke kawasan FELDA Gugusan Lok Heng atas faktor proses penanaman semula sawit yang tidak mempunyai sistem pagar elektrik – kawasan tersebut menjadi tumpuan mendapatkan sumber makanan.

Kerajaan Negeri Johor yakin Santuari Gajah Johor (JES) yang sedang dalam pembinaan bakal menjadi penyelesaian tuntas kepada konflik manusia-gajah di daerah Kota Tinggi dan sekitarnya.

PERHILITAN selaku agensi pemilik santuari melaporkan bahawa kerja-kerja pembangunan Fasa 1 projek berkenaan telah siap membabitkan komponen berikut:

- a) Bangunan pejabat dan bilik interpretif;
- b) Berek kakitangan;
- c) Bangunan kuarantin / kurungan malam (*nightstall*) bagi gajah dengan kapasiti 7 ekor gajah; dan
- d) Jambatan dan penurapan jalan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

Dalam perkembangan lain, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Johor selaku Pegawai Penguin (SO) dan agensi pelaksana projek berkenaan telah menerima Perakuan Siap Kerja (CPC) daripada kontraktor pada Oktober 2019 lalu.

Walau bagaimanapun, projek JES ini hanya akan diserahkan kepada pihak PERHILITAN sepenuhnya menjelang bulan Mei atau Jun 2020 setelah kerja-kerja akhir seperti kemudahan bekalan elektrik, kerja-kerja landskap dan padang ragut gajah selesai.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)  
SOALAN 25 (A92)**

LOT PTD 8217, Mukim Kahang, Kluang seluas 104 hektar dikenalpasti dijadikan TPKM. Sekiranya penempatan pengeluaran unggas dikumpulkan pada satu lokasi, risiko penyakit berjangkit berkaitan unggas (H1N1, H2N1) boleh melumpuhkan industri di tempat tersebut. Apakah langkah praktikal agar hal ini dapat dielakkan?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Industri unggas di negeri Johor semakin mencabar dengan pembangunan industri lain yang semakin pesat. Bagi membantu industri unggas terus kekal pihak jabatan telah mengenal pasti rezab padang ragut, TKPM lot PTD 8217 seluas 104 hektar di Mukim Kahang, Kluang untuk dijadikan sebagai Taman Kekal Pengeluaran Unggas yang baru di negeri Johor.

Kawasan ini sesuai kerana jauh daripada kawasan perumahan yang melebihi 25km dari jalan masuk. Jabatan juga mencadangkan agar kos pembangunan infrastruktur ditampung oleh pihak swasta kerana ianya melibatkan kos yang tinggi bagi pelaksanaan projek.

Selain itu, bagi menjaga kepentingan penternakan unggas di negeri Johor dan risiko penyakit berjangkit, jabatan telah membuat pengukuhan biosekuriti ladang adalah amat penting bagi menjaga dan mengawal kemasukkan penyakit ke dalam ladang serta mengawal penyakit daripada merebak kepada manusia.

Pihak jabatan juga telah mewajibkan semua ladang unggas untuk bertukar kepada reban tertutup bagi menjamin kualiti industri unggas terus berkembang dan mengurangkan isu pencemaran bau dan lalat.

Selain itu, beberapa langkah juga telah dikenalpasti bagi mengawal risiko penyakit berjangkit antaranya adalah pihak ladang tidak dibenarkan untuk memasukkan ternakan dari ladang yang tidak diketahui punca perolehan. Ladang perlu jauh daripada sumber air seperti tадahan air. Kebersihan ladang dan pelupusan sisa hendaklah mengikut SOP.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)  
SOALAN 26 (A58)**

Mohon dibangunkan satu kawasan khas perhentian R&R untuk lori di Pekan Yong Peng kerana Yong Peng menjadi hub kenderaan berat keluar masuk dari lebuhraya Utara-Selatan.

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Kerajaan Negeri Johor mengambil maklum akan kemudahan yang diperlukan oleh pemandu kenderaan berat yang melalui kawasan Yong Peng. Walau bagaimanapun, di peringkat Majlis Daerah Yong Peng (MDYP) hanya akan membangunkan kawasan Hentian Rehat dan Rawat (R&R) bagi memenuhi keperluan kenderaan berat setelah mengenalpasti lokasi yang bersesuaian dan memperoleh peruntukan sewajarnya.

Sebagai pencerahan, pihak MDYP setakat ini tidak memiliki tanah atau kawasan yang bersesuaian bagi tujuan tersebut. Namun begitu, pihak MDYP memberi perhatian serius terhadap perkara berkenaan dengan merujuk kepada kesalahan membabitkan kenderaan berat di bawah peruntukkan Seksyen 46, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 33).

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)  
SOALAN 27 (A90)**

Setiap MPKK disediakan peruntukan Kerajaan Persekutuan RM100,000.00 kepada Kerajaan Negeri untuk kegunaan pengurusan kampung masing masing. Berapakah jumlah MPKK yang didapati tidak menuntut peruntukan tersebut dan apakah status peruntukan yang tidak dituntut oleh MPKK yang berkenaan?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

PIHAK IBU PEJABAT KPLB HANYA MEMPERUNTUKAN RM 10,000.00 UNTUK TUJUAN GERAN MPKK DAN BUKANNYA RM 100,000.00. PENYALURAN GERAN MPKK BAGI TAHUN INI MENCAPAI JUMLAH RM 4.55 JUTA UNTUK 455 BUAH KAMPUNG. PENYALURAN GERAN MPKK ADALAH BERDASARKAN PERMOHONAN YANG DIBUAT DAN TIADA PERUNTUKAN YANG BERBAKI.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)  
SOALAN 28 (A91)**

Jadual kerja yang fleksibel dan penggiliran syif yang disarankan bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan penguatkuasaan dilihat tidak relevan, ditambah pula kawasan perkhidmatan yang semakin meningkat. Adakah pihak kerajaan memperuntukkan untuk menambah pengambilan dan perjawatan untuk menampung kekurangan ini?

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Perjawatan untuk memperkuuhkan organisasi dengan membuat pengisian terhadap waran-waran perjawatan yang kosong. Namun sekiranya waran perjawatan sedia ada telah dipenuhi, pengambilan lantikan secara kontrak akan dilaksanakan bagi menampung kekurangan tersebut.

Penambahan pengambilan dan perjawatan untuk menampung kekurangan ini adalah satu langkah yang baik bagi memastikan keberkesanan tindakan penguatkuasaan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan.

Terdapat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor yang telah dan sedang mengambil tindakan penambahan kakitangan penguatkuasa secara kontrak untuk menampung kekurangan kakitangan bagi meningkatkan perkhidmatan kepada masyarakat. Walaubagaimanapun, perlu mengambil kira keperluan serta kedudukan dan kemampuan kewangan setiap PBT tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN SUBRAMANIAM (TIRAM)  
SOALAN 29 (A113)**

Tapak perniagaan diperlukan untuk masyarakat B40 di Taman Desa Jaya, Ehsan Jaya dan Desa Cemerlang. Apakah rancangan MBJB untuk membantu golongan B40 diberi peluang untuk berniaga.

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menyediakan banyak tapak bagi aktiviti penjaja dan perniagaan di kawasan sekitar Desa Jaya, Ehsan Jaya dan Desa Cemerlang. Antara tapak yang disediakan adalah tapak Pasar Malam dan Pasar Pagi di lokasi berikut:

BIL.	PASAR MALAM	BIL.	PASAR PAGI
1.	Taman Ehsan Jaya (1 lokasi)	1.	Taman Puteri Wangsa (2 lokasi)
2.	Taman Desa Jaya (1 lokasi)	2.	Taman Desa Jaya (1 lokasi)
3.	Taman Puteri Wangsa (2 lokasi)		
4.	Taman Desa Cemerlang (2 lokasi)		

Peniaga yang berminat boleh membuat permohonan bagi mendapatkan tapak di lokasi yang disenaraikan apabila pihak MBJB membuka sesi permohonan kepada orang awam sebelum ditemuduga dan ditawarkan tapak berniaga.

Peniaga yang berminat juga boleh memohon bagi tapak gerai yang kosong dimiliki oleh pihak Majlis di lokasi berikut;

- 1) Gerai Taman Bukit Tiram
- 2) Gerai Taman Puteri Wangsa
- 3) Gerai Ulu Tiram

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN SUBRAMANIAM (TIRAM)  
SOALAN 30 (A114)**

Kesemua jalan-jalan perlu diperbaiki di kawasan Bandar Tiram. Apakah tindakan MBJB?

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) amat komited dalam menyediakan dan menyelenggara kemudahan jalan raya di kawasan pentadiran MBJB. Justeru itu, pihak MBJB telah mengambil tindakan proaktif dengan mendapatkan peruntukan MARRIS berjumlah RM0.8 juta bagi tahun 2020 untuk melaksanakan kerja-kerja penurapan semula dan penyediaan garisan jalan di kawasan Taman Tiram Baru.

Usaha tersebut kini di peringkat penyediaan dokumen tender dan proses tender akan dihebahkan kepada umum pada akhir bulan Disember 2019. Manakala, kerja-kerja di lapangan pula dijangka bermula pada bulan Februari 2020. Antara jalan-jalan yang tersenarai dalam ID MARRIS terdiri daripada Jalan Duku, Jalan Durian, Jalan Manggis, Jalan Rambutan, Jalan Ciku, Jalan Nenas, Jalan Mangga dan Jalan Limau.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB DATUK SAMSOL BARI BIN JAMALI (SEMARANG)  
SOALAN 31 (A98)**

Apakah jenis-jenis pertanian yang diberi keutamaan oleh Kerajaan agar diusahakan oleh para petani berdasarkan permintaan dan pembekalan di negeri Johor.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Tanaman utama yang mempunyai potensi besar untuk eksport ialah DURIAN dan dijangka kira-kira 1,000 tan metrik durian varieti primier seperti Musang King (D197) dan Black Thorn (D200) akan dieksport ke negara itu. Nilaian kepada sumbangan eksport negara dijangka kira-kira RM0.5 bilion setahun.

Kepada syarikat yang berminat agar merujuk dan mendaftar dengan Jabatan Pertanian (DOA) bagi memastikan mereka akan turut mendapat peluang untuk mengeksport ke China. Usaha Malaysia untuk menembusi pasaran China bagi buah durian telah dimulakan sejak tahun 2007 lagi. Hasil rundingan di antara kerajaan kedua-dua buah negara, Malaysia akhirnya telah berjaya mengeksport durian sejuk beku dalam bentuk ulas dan pes bermula pada Mei 2011. Nilai eksport pada tahun 2018 dalam bentuk ini adalah RM9.445 juta (235.62 tan metrik). Peningkatan eksport buah durian dijangka akan terus meningkat memandangkan pasaran ke Negara China telah mula dibuka pada tahun ini.

Selain itu, NANAS juga dijangka mampu meningkatkan nilai eksport nanas mencecah RM320 juta menjelang 2020, berikutan permintaan pasaran yang luas ke China terutama nanas premium MD2. Tahun 2020, pengeluaran nanas dijangka tumbuh pada kadar 22.1 peratus setahun dengan unjuran pengeluaran buah nanas sebanyak 700,000 tan metrik.

Sasaran nilai eksport nanas pada tahun 2020 adalah RM320 juta sejajar dengan pembukaan pasaran yang luas di China terutama MD2, manakala nilai pengeluaran nanas negara dijangka mencecah RM1 bilion.

Pihak LPNM komited dalam usaha meningkatkan pengeluaran nanas secara komersial terutama untuk tujuan eksport, di samping melahirkan usahawan nanas berpendapatan tinggi selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN).

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)  
SOALAN 32 (A142)**

Minta penjelasan kedudukan kutipan Zakat Negeri bagi tahun 2018 dan tahun 2019 sehingga Oktober. Nyatakan jumlah perbelanjaan kumpulan wang zakat bagi tahun 2018 dan 2019. Nyatakan pecahan perbelanjaannya. Berapa ramai mereka yang telah dibantu kini mampu berdikari.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

**Pada tahun 2018, MAINJ telah berhasil membuat pungutan zkaat harta dan fitrah di seluruh negeri Johor sebanyak RM RM 284,633,256.53. Pecahan pungutan zakat tahun 2018 dan 2019 sehingga bulan Oktober adalah sebagaimana berikut :**

Jenis Zakat	Pungutan 2018	Pungutan 2019
Pendapatan	131,764,270.00	97,420,790.72
W/Simpanan	57,550,094.99	51,475,623.56
Perniagaan	77,634,173.61	53,972,921.92
Emas/Perak	1,165,844.24	878,939.54
Tanaman	157,162.01	99,485.40
Ternakan	246,808.88	211,052.52
Galian	9,264.20	6,619.00
Saham	975,529.60	968,035.07
Kwsp	66,172.00	109,574.00
Fitrah	15,063,937.00	18,082,139.00
Jumlah	284,633,256.53	223,225,180.73

Bagi agihan zakat pula, pada tahun 2018 sebanyak RM 261,310,155.66 telah diagihkan kepada asnaf yang berkelayakan. Manakala agihan bagi tahun 2019 sehingga bulan Oktober ialah sebanyak RM 224,003,413.84.

Pecahan perbelanjaan wang zakat tahun 2018 dan 2019 sehingga bulan Oktober adalah sebagaimana berikut :

Asnaf	Agihan 2018	Agihan 2019
Fakir	55,880,966.77	46,297,378.22
Miskin	95,621,740.80	78,998,632.40

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

Amil	25,914,066.00	22,674,913.80
Muallaf	18,322,273.89	19,607,309.90
Gharim	1,714,112.02	589,565.63
Ibnu Sabil	508,109.30	345,920.00
Fi Sabilillah	63,348,886.88	55,489,693.89
Riqab	0	0
Jumlah	261,310,155.66	224,003,413.84

Bantuan zakat yang diberi kepada golongan fakir dan miskin adalah dalam bentuk bantuan kebajikan seperti bantuan sara hidup bulanan, perubatan, perumahan, hari raya dan pelajaran. Bantuan-bantuan ini bertujuan meringankan beban yang ditanggung oleh golongan kurang berkemampuan.

Selain bantuan berbentuk kebajikan, MAINJ juga menyalurkan bantuan dalam bentuk peningkatan ekonomi seperti bantuan berdikari dan juga melaksanakan kursus-kursus dan latihan kemahiran kepada asnaf zakat. Golongan asnaf digalakkan supaya bekerja sendiri dengan mencari peluang-peluang ekonomi seperti berniaga atau menceburi bidang perkhidmatan dan MAINJ membantu dari sudut bantuan modal, peralatan dan menyediakan kursus latihan kemahiran.

Setiap tahun MAINJ menyediakan peruntukan untuk program ini dan diharap mereka yang kurang bernasib baik akan mengikuti program yang diatur ini untuk merubah masa depan mereka dan keluar dari kemiskinan.

Majlis Agama Islam Negeri Johor mempunyai peranan dan tanggungjawab sebagai agensi yang menjaga kebajikan masyarakat Islam dan memelihara ketinggian Syiar Islam di negeri Johor. Pengagihan wang zakat yang dilaksanakan ketika ini adalah melalui proses yang ketat dan telus kerana setiap perbelanjaan hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor.

Perbelanjaan yang dilakukan melalui peruntukan wang zakat adalah meliputi semua keperluan asnaf samada bagi keperluan individu ataupun yang mencakupi kepentingan umum seperti program pembangunan pendidikan, pembangunan dan pengimaran masjid dan surau serta peningkatan syiar Islam di seluruh negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB HJ KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)**

**SOALAN 33 (A207)**

Bilakah Masjid Taman Flora akan mula dibina dan bolehkah kerajaan membenarkan Surau Taman Bukit Flora untuk mendirikan solat Jumaat untuk mengatasi masalah masjid solat jumaat yang sangat jauh dari kediaman mereka.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Masjid Taman Flora tiada permohonan dikemukakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN SUBRAMANIAM (TIRAM)  
SOALAN 34 (A115)**

Tiada tempat sesuai untuk membuang sampah di Jalan Ahmad Dasuki Kampung Mulia. Mereka meletak truck sampah di kawasan perumahan dan kedai makanan. Apabila tong sudah penuh, mereka membuang merata tempat. Apakah tindakan MPPG.

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Untuk makluman, Kampung Mulia yang terletak di kawasan Sungai Tiram dikategorikan sebagai kawasan tidak bercukai yang sekali gus tidak menerima sebarang perkhidmatan pembersihan.

Walau bagaimanapun, atas dasar tanggungjawab kepada masyarakat setempat, pihak Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) telah membantu penduduk setempat dengan menyediakan tiga (3) unit tong *Roll-On Roll-Off* (RORO) melalui syarikat konsesi, SWM Environment Sdn. Bhd. di bawah seliaan pihak SWCorp. Sebagai pencerahan, janaan sampah di kawasan berkenaan pada kadar yang tinggi dengan penetapan kekerapan kutipan sebanyak enam (6) kali seminggu.

Berhubung dengan penempatan tong RORO berkenaan di Jalan Ahmad Dasuki, pihak MPPG bersedia untuk menyemak semula dan mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak SWCorp bagi mengenalpasti lokasi yang bersesuaian.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)  
SOALAN 35 (A22)**

Kempen kitar semula telah bermula sejak 2014. Apakah perkembangan daripada kempen ini?

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Pengurusan sisa pepejal antara fokus Kerajaan Negeri dalam mendepani proses pembangunan dan perbandaran yang pesat seiring dengan pertumbuhan ekonomi negeri. Lantaran itu, kelestarian alam sekitar yang digagaskan oleh Kerajaan Negeri Johor akan turut merangkumkan aspek pengurusan sisa pepejal di samping meletakkannya di bawah agenda rendah karbon.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor pada bulan lalu turut mengambil ketetapan agar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), SWCorp Negeri Johor dan syarikat konsesi, SWM Environment Sdn. Bhd. bekerjasama bagi memperhebat langkah pengurangan sisa pepejal melalui kaedah Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca dan seterusnya membudayakan Konsep 3R - *reduce* (pengurangan), *reuse* (guna semula) dan *recycle* (kitar semula).

Sebagai pencerahan, Kempen Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (*Separation At Source*, SAS) mula diperkenalkan pada September 2015 dan seterusnya dikuatkuasakan pada Jun 2016 telah merekodkan peningkatan kutipan barang kitar semula yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi dari setiap premis kediaman.

Sebanyak 55,423 kilogram barang kitar semula telah dikutip pada tahun 2016, manakala tahun 2017 pula menyaksikan peningkatan kepada 670,208 kilogram dan angka tersebut terus meningkat pada tahun 2018 yang mencatatkan sebanyak 821,247 kilogram. Secara keseluruhannya, kadar kitar semula dalam kalangan masyarakat di negeri Johor meningkat daripada 13.2% pada tahun 2014 kepada 24.6% pada tahun 2018.

Untuk makluman, pihak SWCorp Negeri Johor bersama syarikat konsesi, SWM Environment konsisten dalam membentuk kesedaran dan memastikan penglibatan masyarakat di negeri Johor melalui Kempen SAS dengan turut menyasarkan institusi pendidikan seperti tadika, sekolah dan institut pengajian tinggi, agensi awam, firma swasta dan semestinya kawasan kejiranan. Pada tahun ini saja, sebanyak 285 program kesedaran awam berkaitan Kempen SAS telah dilaksanakan di negeri Johor.

Bagi mengalakkan penglibatan masyarakat secara menyeluruh, beberapa inisiatif dan insentif galakan kitar semula telah diperkenalkan seperti perincian berikut:

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

- a) Pihak SWCorp Negeri Johor telah memperkenalkan program Zero Waste Community (ZeComm) di kediaman bertingkat yang membolehkan penghuni memperoleh insentif menerusi mekanisme penebusan barang keperluan dapur bagi pengumpulan barang kitar semula di Sangkar 3R dan penghantaran sisa makanan bagi tujuan pengkomposan; dan
- b) Manakala, pihak SWM Environment pula telah memperkenalkan inisiatif kitar semula berganjaran atas talian yang dikenali sebagai KITAR3cycle. Inisiatif yang juga menggunakan mekanisme insentif berganjaran terkumpul tersebut telah dilancarkan pada Februari lalu di kawasan kejiranan dan juga inisiatif Sekolah KITAR3cycle yang dilancarkan pada September lalu. Setiap mata ganjaran yang terkumpul akan direkodkan melalui sistem aplikasi KITAR3cycle atas talian dan membolehkan setiap pemilik akaun menebus ganjaran terkumpul mereka secara pindahan wang atas talian (*online banking*) atau melalui aplikasi dompet elektronik (*e-wallet*).

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)  
SOALAN 36 (A123)**

Apakah pencapaian usaha pengasingan sampah di Negeri Johor?

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Pengurusan sisa pepejal antara fokus Kerajaan Negeri dalam mendepani proses pembangunan dan perbandaran yang pesat seiring dengan pertumbuhan ekonomi negeri. Lantaran itu, kelestarian alam sekitar yang digagaskan oleh Kerajaan Negeri Johor akan turut merangkumkan aspek pengurusan sisa pepejal di samping meletakkannya di bawah agenda rendah karbon.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor pada bulan lalu turut mengambil ketetapan agar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), SWCorp Negeri Johor dan syarikat konsesi, SWM Environment Sdn. Bhd. bekerjasama bagi memperhebat langkah pengurangan sisa pepejal melalui kaedah Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca dan seterusnya membudayakan Konsep 3R - *reduce* (pengurangan), *reuse* (guna semula) dan *recycle* (kitar semula).

Sebagai pencerahan, Kempen Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (*Separation At Source*, SAS) mula diperkenalkan pada September 2015 dan seterusnya dikuatkuasakan pada Jun 2016 telah merekodkan peningkatan kutipan barang kitar semula yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi dari setiap premis kediaman.

Sebanyak 55,423 kilogram barang kitar semula telah dikutip pada tahun 2016, manakala tahun 2017 pula menyaksikan peningkatan kepada 670,208 kilogram dan angka tersebut terus meningkat pada tahun 2018 yang mencatatkan sebanyak 821,247 kilogram. Secara keseluruhannya, kadar kitar semula dalam kalangan masyarakat di negeri Johor meningkat daripada 13.2% pada tahun 2014 kepada 24.6% pada tahun 2018.

Untuk makluman, pihak SWCorp Negeri Johor bersama syarikat konsesi, SWM Environment konsisten dalam membentuk kesedaran dan memastikan penglibatan masyarakat di negeri Johor melalui Kempen SAS dengan turut menyasarkan institusi pendidikan seperti tadika, sekolah dan institut pengajian tinggi, agensi awam, firma swasta dan semestinya kawasan kejiranan. Pada tahun ini saja, sebanyak 285 program kesedaran awam berkaitan Kempen SAS telah dilaksanakan di negeri Johor.

Bagi mengalakkan penglibatan masyarakat secara menyeluruh, beberapa inisiatif dan insentif galakan kitar semula telah diperkenalkan seperti perincian berikut:

- a) Pihak SWCorp Negeri Johor telah memperkenalkan program Zero Waste Community (ZeComm) di kediaman bertingkat yang membolehkan penghuni

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

memperoleh insentif menerusi mekanisme penyebusan barang keperluan dapur bagi pengumpulan barang kitar semula di Sangkar 3R dan penghantaran sisa makanan bagi tujuan pengkomposan; dan

- b) Manakala, pihak SWM Environment pula telah memperkenalkan inisiatif kitar semula berganjaran atas talian yang dikenali sebagai KITAR3cycle. Inisiatif yang juga menggunakan mekanisme insentif berganjaran terkumpul tersebut telah dilancarkan pada Februari lalu di kawasan kejiranan dan juga inisiatif Sekolah KITAR3cycle yang dilancarkan pada September lalu. Setiap mata ganjaran yang terkumpul akan direkodkan melalui sistem aplikasi KITAR3cycle atas talian dan membolehkan setiap pemilik akaun menebus ganjaran terkumpul mereka secara pindahan wang atas talian (*online banking*) atau melalui aplikasi dompet elektronik (*e-wallet*).

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)  
SOALAN 37 (A186)**

Apakah garis panduan oleh kerajaan negeri yang telah ditetapkan untuk perobohan rumah ibadat bukan Islam yang didirikan atas tanah/kawasan awam?

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Pembinaan rumah ibadat perlu mendapat kelulusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) berdasarkan beberapa faktor termasuk jumlah rumah ibadat, komuniti kaum dan sebagainya.

Rumah ibadat bukan Islam seperti kuil, tokong dan gurdwara (rumah ibadat kaum Sikh) di Negeri ini perlu diuruskan oleh jawatankuasa pengurusan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

Sehubungan itu, bagi pendudukan secara tidak sah dan sebarang kes pencerobohan, Pentadbir Tanah Daerah akan mengeluarkan satu notis tindakan pencerobohan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 untuk satu tempoh tertentu bagi meminta mereka mengosongkan tanah yang diceroboh dan merobohkan sendiri bangunan yang dibina secepat mungkin.

Seterusnya jika tiada sebarang tindakan daripada pihak penceroboh, Pentadbiran Tanah oleh mengambil tindakan penguatkuasaan sebagaimana peruntukan Seksyen 426A KTN 1965 dengan tanpa waran secara bersepudu iaitu dengan;

- a) Menahan pesalah atau mana-mana orang yang bersubahat;
- b) Merampas apa-apa kenderaan, traktor, alat pertanian atau apa-apa benda lain yang terlibat; dan
- c) Memusnahkan atau memindah mana-mana bangunan, atau mengambil milik atas nama Pihak Berkuasa Negeri apa-apa tanaman, yang dibina atau ditanam di atas mana-mana tanah sebagai pelanggaran terhadapnya.

Penceroboh akan didakwa di Mahkamah, jika disabit kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000.00 atau tidak lebih lima (5) tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Selain itu, sekiranya rumah ibadat bukan Islam ini dibina di atas tanah-tanah hak milik kerajaan atau tanah-tanah berhak milik lain tanpa kebenaran, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga boleh mengeluarkan Notis Roboh mengikut Seksyen 72 Akta 133 iaitu meruntuhkan binaan tanpa kelulusan berserta arahan berhenti kerja serta-merta jika terdapat pembinaan baru di atas tanah kerajaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)  
SOALAN 38 (A199)**

Apakah tindakan yang telah diambil untuk menangani sisa pepejal elektrikal dan elektronik (E-waste) dalam Negeri Johor?

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Kerajaan Negeri Johor komited dalam memastikan premis perniagaan berasaskan sisa elektrikal dan elektronik mematuhi peruntukan undang-undang berkenaan pengendalian sisa elektrikal dan elektronik di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Justeru itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor selaku agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab sentiasa melakukan pemantauan dan pemeriksaan terhadap premis berkaitan serta berdasarkan aduan awam. Setiap premis yang menjalankan aktiviti berasaskan kedua-dua sisa tersebut perlu mendapatkan lesen yang sah daripada pihak JAS sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 18, Akta 127.

Tindakan bersepadu turut dilaksanakan oleh pihak JAS melalui jalinan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi berkaitan bagi membanteras kewujudan premis-premis berasaskan kedua-dua sisa tersebut daripada beroperasi secara haram. Kegagalan pemilik premis mematuhi sebarang peruntukan undang-undang akan berhadapan dengan tindakan pembatalan atau penggantungan lesen operasi oleh pihak JAS tanpa sebarang kompromi. Selain itu, tindakan lanjut berbentuk pendakwaan di mahkamah dan hukuman kompaun juga akan diambil bagi memastikan tiada pemilik premis yang gagal mematuhi undang-undang.

Mengambil kira perkembangan indutsri berkaitan sisa elektronik dan elektrikal, pihak JAS juga telah memperkenalkan konsep pematuhan kendiri bagi membolehkan pemain industri untuk memikul tanggungjawab sendiri dalam memastikan segala bentuk pembuangan atau pelepasan sisa dipatuhi setiap waktu.

Konsep pematuhan kendiri ini memerlukan setiap premis industri tertakluk di bawah Akta 127 ini untuk mengambil langkah seperti berikut:

- a) Menguruskan pelupusan buangan terjadual (termasuk sisa elektrikal dan elektronik) melalui Sistem Maklumat Buangan Terjadual Elektronik (e-SWIS). Malah, sistem ini mampu mengesan pergerakan buangan terjadual daripada premis pengeluar kepada kemudahan pelupusan yang dilesenkan oleh JAS; dan
- b) Menetapkan keperluan setiap premis untuk melantik orang berwibawa (*competent person*) yang ditauliahkan oleh JAS dalam mengendalikan alat kawalan pencemaran di dalam premis tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

Kerajaan Negeri Johor komited malah tidak akan berkompromi terhadap sebarang tindakan atau langkah yang melanggari Akta 127 sehingga memberi kesan kepada kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB HJ KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)**

**SOALAN 39 (A208)**

Bilakah masalah gangguan monyet dan babi mengganggu penduduk kampung akan selesai walaupun telah dibangkitkan dalam dewan ini beberapa kali.

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Kerajaan Negeri Johor amat prihatin dan memandang serius gangguan haiwan seperti kera dan babi hutan yang dihadapi penduduk kampung sekitar Senggarang. Justeru itu, pihak Jabatan PERHILITAN Negeri Johor telah merangka dan melaksanakan langkah jangka pendek dan panjang seperti berikut:

- a) Siasatan, pemantauan dan khidmat nasihat bagi setiap aduan;
- b) Pemasangan perangkap dan melupuskan kera yang ditangkap;
- c) Tindakan tembak mati sebagai langkah pencegahan akhir dan sekiranya haiwan berkenaan memberi ancaman serius kepada manusia; dan
- d) Menganjurkan program kesedaran awam secara berkala seperti sesi dialog dan perbincangan bersama masyarakat setempat.

Untuk rekod, sebanyak 66,275 ekor kera telah ditangkap dan dilupuskan di seluruh negeri Johor dalam tempoh 2014 hingga 2018, manakala sehingga Oktober 2019 pula mencatatkan sebanyak 10,777 ekor kera telah dilupuskan membabitkan sebanyak 328 operasi bersepada dilaksanakan sepanjang kedua-dua tempoh tersebut. Operasi bersepada tersebut telah dilaksanakan dengan kerjasama dariapda Angkatan Relawan Rakyat (RELA), pemburu berlesen dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Konflik hidupan liar membabitkan spesies kera dan babi hutan sukar diselesaikan atas faktor seperti berikut:

- a) Kadar kemandirian (*survival*) tinggi yang menyaksikan kedua-dua haiwan tersebut mudah menyesuaikan diri dalam perubahan guna tanah di habitat asal dan sumber makanan;
- b) Akibat wujudnya tanah pertanian terbiar sehingga menjadi habitat kedua-dua haiwan tersebut;
- c) Terdapat aktiviti makan kepada kera berkenaan khususnya seperti di kawasan rekreatif yang mengakibatkan populasi haiwan tersebut meningkat kerana mempunyai sumber makanan yang mencukupi;
- d) Pengurusan sisa buangan yang tidak efisien khususnya di lokasi kedua-dua haiwan tersebut mendapatkan sumber makanan pada waktu malam; dan
- e) Pembukaan kawasan hutan yang menjadi habitat kedua-dua haiwan tersebut sehingga menganggu dan menyebabkan haiwan berkenaan keluar.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Johor dan PERHILITAN meminta agar semua pihak memainkan peranan masing-masing yang sepatutnya bagi mengatasi masalah gangguan kera dan babi hutan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)  
SOALAN 40 (A155)**

Terdapat banyak rumah ibadat yang masih tidak mendapat kelulusan dari kerajaan. Apakah garis panduan yang menjadi rujukan Jawatankuasa Keselamatan Daerah atau Negeri, di dalam meluluskan sesebuah pembinaan rumah ibadat?

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Sebagai pencerahan, sebarang cadangan pemajuan dan pembinaan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang dikemukakan perlu dirujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Keselamatan Daerah (JKKD) dan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Rumah Ibadat Bukan Islam Negeri (JKKN). Manakala, Manual Piawaian dan Garis Panduan Perancangan Negeri Johor pula menjadi rujukan Jabatan dan Jawatankuasa yang telah disedia dan berkuatkuasa sejak 3 Ogos 2013.

Untuk makluman, PLANMalaysia@Johor telah menjalankan kajian semakan semula ke atas manual berkenaan yang dibentang malah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Johor Bil.3/2019 pada 3 September 2019 dan kini sedang dalam proses cetakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)  
SOALAN 41 (A163)**

PBT telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap rumah burung walit yang mengakibatkan gangguan terhadap kawasan kejiranan dengan mengeluarkan notis amaran atau kompaun berjadual kepada pengusaha, apakah tindakan lanjutan PBT sekiranya rumah berkenaan masih tidak dipindahkan?

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Untuk makluman, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mendapatkan keizinan daripada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) bagi memohon waran geledah daripada mahkamah sekiranya pengusaha pengusaha burung walit gagal mematuhi notis yang dikeluarkan. Waran geledah yang diperoleh daripada pihak mahkamah membolehkan pihak PBT mengambil tindakan merampas dan melupuskan alat perakam suara burung bagi menghapuskan segala kacauganggu bunyi.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN HAJI RASMAN BIN HAJI ITHNAIN (SEDILI)  
SOALAN 42 (A71)**

Mohon diperluaskan kawasan pentadbiran PBT Pengerang melibatkan keseluruhan DUN Sedili meliputi Tanjung Sedili termasuk kampung-kampung bersebelahan, Mawai, Bandar Perani dan Gugusan Felda Aping. Bilangan penduduk akan meningkat kepada 150,000 orang berbanding bilangan sedia ada hanya 124,000 orang sahaja.

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Kerajaan Negeri Johor mengalu-alukan cadangan memperluas kawasan pentadbiran PBT Pengerang. Walau bagaimanapun, sebarang perluasan dan pertambahan sempadan kawasan baharu bagi kawasan pentadbiran PBT perlu melalui kajian komprehensif terlebih dahulu sebelum diluluskan oleh pihak Kerajaan.

Justeru itu, Kerajaan Negeri ingin memaklumkan bahawa kawasan pentadbiran PBT Pengerang kekal mengikut kelulusan pelan warta membabitkan lima (5) mukm yang telah digazetkan sebelum ini. Sebagai pencerahan juga, populasi terkini kawasan PBT Pengerang telah mencécah angka 151,459 orang selaras dengan taraf perbandaran.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB DATO' HAJI OSMAN BIN SAPIAN (KEMPAS)  
SOALAN 43 (A41)**

Berapakah jumlah kadar jenayah yang berlaku di negeri Johor bagi tahun 2019 mengikut daerah-daerah, pecahan jenis jenayah, tangkapan yang dibuat dan pendekatan untuk mengurangkan kadar jenayah?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya memberikan perincian statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Johor bagi menjawab soalan Yang Berhormat Kempas.

Untuk makluman Yang Berhormat Kempas, sepanjang bulan Januari hingga Oktober Tahun 2018, jumlah jenayah indeks yang direkodkan adalah sebanyak 8,580 kes.

Bagi tempoh yang sama Tahun 2019, jumlah jenayah indeks yang direkodkan adalah sebanyak 8,186 kes.

Ia sekali gus menunjukkan penurunan jumlah jenayah indeks sebanyak 394 kes bersamaan 4.59 peratus.

Jenayah kekerasan merekodkan peningkatan sebanyak 26 kes apabila mencatatkan 1,607 kes sepanjang bulan Januari hingga Oktober 2019 berbanding 1,581 kes untuk tempoh yang sama Tahun 2018.

Antara jenis kesalahan jenayah kekerasan:

- i. Bunuh
- ii. Rogol
- iii. Samun berkawan bersenjatapi
- iv. Samun berkawan tanpa senjatapi
- v. Samun bersenjatapi
- vi. Samun tanpa senjatapi
- vii. Mendatangkan kecederaan (Seksyen 324-326 Kanun Keseksaan)

Bagaimanapun, jenayah harta benda menunjukkan penurunan sebanyak 420 kes apabila mencatatkan 6,579 kes sepanjang bulan Januari hingga Oktober 2019 berbanding 6,999 kes untuk tempoh yang sama Tahun 2018.

Antara jenis kesalahan jenayah harta benda:

- i. Pecah rumah
- ii. Ragut

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

- iii. Curi motosikal
- iv. Curi kereta
- v. Curi van / lori / jentera berat
- vi. Lain-lain (curi)

Untuk makluman Yang Berhormat Kempas, perbandingan jenayah indeks mengikut daerah bagi tempoh Januari hingga Oktober Tahun 2018 dan 2019 pula adalah seperti berikut.

Enam (6) daerah iaitu Mersing, Tangkak, Seri Alam, Iskandar Puteri, Segamat dan Kluang menunjukkan peningkatan kes jenayah indeks.

Pada masa yang sama, enam (6) daerah menunjukkan penurunan kes jenayah indeks iaitu Kulai, Pontian, Johor Bahru Utara, Batu Pahat, Kota Tinggi dan Johor Bahru Selatan.

Manakala, satu (1) daerah iaitu Muar menunjukkan tiada perubahan jenayah indeks jika dibandingkan antara Tahun 2018 dan 2019.

Bagi statistik tangkapan melibatkan kes jenayah di Kontinjen Johor bagi tempoh Januari hingga Oktober Tahun 2018/2019, seramai 7,693 orang warga tempatan dan 220 orang warga asing ditangkap melibatkan pelbagai jenis kesalahan bagi jenayah kekerasan dan jenayah harta benda di negeri ini.

Dan, antara pendekatan yang diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Johor bagi mengurangkan jenayah di Negeri Johor adalah seperti berikut:

- i. Omnipresence di tempat-tempat awam
- ii. Menjalankan operasi terancang seperti Op Cahaya dan Op Noda Khas
- iii. Memerangi dan menghapuskan kegiatan jenayah bersindiket seperti perjudian dan pelacuran secara total
- iv. Menjalankan operasi besar-besaran terhadap penagih dan pengedar dadah yang mengakibatkan jenayah banyak dilakukan penagih tegar.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)  
SOALAN 44 (A64)**

Adakah pegawai kerajaan negeri yang bertanggungjawab di dalam Unit Audit, sama ada peringkat negeri maupun pada peringkat agensi bawah negeri mempunyai latar belakang perakaunan atau kemahiran yang sesuai bagi melaksana kerja audit secara berkesan?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kemelah mengenai latar belakang pegawai kerajaan negeri yang bertanggungjawab di dalam Unit Audit.

Untuk makluman Yang berhormat Kemelah, mana-mana pegawai yang bertanggungjawab di dalam Unit Audit adalah pegawai yang mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan kewangan.

Pegawai tersebut sentiasa diberi latihan yang khusus daripada Jabatan Audit Negara.

Selain itu, Unit Audit tersebut dibantu oleh kumpulan pelaksana yang mempunyai kelulusan khusus dalam bidang perakaunan dan kewangan.

Tambahan juga, pegawai tersebut sentiasa diberikan garis panduan dan tatacara pengauditan jabatan yang meliputi semua bidang pengurusan, perkhidmatan, pentadbiran dan kewangan.

Kesimpulannya, setiap pegawai yang bertanggungjawab akan diberikan latihan secukupnya bagi mengelakkan kesalahan yang terjadi.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)  
SOALAN 45 (A137)**

Apakah langkah-langkah yang telah dan bakal dilaksanakan ke arah reformasi institusi dan penambahbaikan pentadbiran jabatan-jabatan, agensi-agensi kerajaan negeri, badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC), bagi meningkatkan tahap akauntabiliti, ketelusan, kecekapan perkhidmatan serta mengelakkan penyelewengan dan salah guna kuasa?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

1. Terima Kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Maharani.
2. Untuk makluman Yang Berhormat Maharani, Kerajaan telah bersetuju menubuhkan satu unit pemantauan semua badan-badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang ditempatkan di Perbendaharaan Negeri Johor. Unit tersebut telah diketuai oleh Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Johor (Bahagian Pemantauan Pelaburan).
3. Tambahan juga, Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor telah melaksanakan inisiatif penambahbaikan pentadbiran awam Kerajaan Negeri Johor. Antaranya ialah:
  - Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) Kerajaan Negeri Johor telah diwujudkan dalam menangani aduan, cadangan dan penambahbaikan bagi meningkatkan tadbir urus Pentadbiran Awam Negeri Johor. Pengguna boleh membuat aduan dan cadangan kepada jabatan-jabatan dalam Negeri Johor bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian kepada rakyat.
4. Selain itu, Kerajaan Negeri Johor juga, telah menubuhkan **Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Kerajaan Johor** yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Johor.
  - 4.1 Arahan YAB PM No1 Tahun 2018 **mengenai pemantapan governans, integriti dan anti rasuah dalam pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia:** Mekanisme Pengurusan governans, intergriti dan Anti-Rasuah Kebangsaan.
  - 4.2 Arahan YAB PM No1 Tahun 2018 **menetapkan semua Ketua Setiausaha, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Jabatan Persekutuan untuk menukuhkan JAR di peringkat masing-masing.**

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

- 4.3 Terma rujukan bagi langkah-langkah ini adalah:
- 4.3.1 Pengukuhan Governans & Integriti.
  - 4.3.2 Sistem & Prosedur kerja.
  - 4.3.3 Dasar, Perundangan & Peraturan.
  - 4.3.4 Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan.
- 4.4 Tambahan juga, peranan JAR peringkat kerajaan negeri ialah:
- 4.4.1 Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan terma rujukan yang ditetapkan.
  - 4.4.2 Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan kepada JAR peringkat kebangsaan.
- 4.5 Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, Jawatankuasa Anti-Rasuah Kerajaan Johor telah **bermesyuarat sebanyak dua kali iaitu Bil.1/2019 pada 16 Mei 2019 dan Bil.2/2019 pada 7 Oktober 2019**. Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor merupakan urusetia di peringkat negeri.
5. Untuk makluman Yang Berhormat Maharani, **Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan juga telah mengadakan program kesedaran Integriti bersama jabatan-jabatan dan agensi di Negeri Johor. Sebanyak sembilan Program telah diadakan sepanjang tahun 2019 dan akan diteruskan pada tahun 2020 dalam usaha memupuk budaya kerja berintegriti dalam pentadbiran awam negeri Johor.**
6. Antara program yang telah dan akan dijalankan pada 2019 ialah:
- 6.1 Bengkel / Kursus SISPAA Bagi Jabatan Yang Mengalami Kesulitan Mengendalikan SISPAA Menyediakan Garis Panduan Tadbir Urus.
  - 6.2 Bengkel Penulisan Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) Bagi Jabatan Dan Agensi Kerajaan Negeri Johor Bersama Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
  - 6.3 Forum Integriti Pengukuhan Akauntabiliti Dan Integriti Perkhidmatan Awam & Pengurusan Dan Pematuhan Anti Rasuah.
  - 6.4 Seminar Integriti Bersama Penolong Pegawai Tanah di Pentadbiran Tanah Negeri Johor Dengan Kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia / Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.
  - 6.5 Taklimat Pelan Antirasuah Nasional (NACP) Dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Bagi Jabatan Dan Agensi Kerajaan Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

- 6.6 Program Pemantapan Integriti Bersama MARSAH dan Agensi Pendidikan.
- 6.7 Bengkel Penyediaan Pelaporan Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah Peringkat Negeri Johor
- 6.8 Bengkel Penyediaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Kerajaan Negeri Johor.
7. Saya percaya bahawa untuk menuju ke arah pentadbiran yang efisen, efektif dan berintegriti, Pelan Anti-Rasuh Organisasi atau Organization Anti Corruption Plan (OACP) akan dilaksanakan sebagaimana Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2 No.1 2019.
8. Setiap kerajaan negeri hendaklah membangunkan OACP di peringkat organisasi masing-masing.
9. Pelan Anti-Rasuh ini akan menjadi panduan dan bimbingan kepada organisasi melaksanakan tugas dan fungsi yang telah diamanahkan dengan berkesan dan mencapai kepuasan hati pelanggan.
10. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Johor melalui Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor diberi tugas sebagai urusetia dalam melaksanakan Pelan Anti Rasuh Organisasi Negeri Johor.
11. **Pelan lima tahun ini akan dibangunkan dengan mengambil kira semua aspek dan pihak berkepentingan di dalam kerajaan Johor** seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pentadbiran Daerah, Pentadbiran Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan, badan-badan berkanun dan anak syarikat di bawah kerajaan negeri Johor.
12. **Pelan Anti Rasuh Kerajaan Johor ini akan menjadi satu rujukan dalam** menterjemahkan hasrat kerajaan untuk mengelakkan sektor awam dicemari dengan isu rasuh dan penyalahgunaan kuasa.
13. Bengkel Penyediaan ini akan diadakan pada 24 hingga 27 November 2019 dan dijangka dilancarkan pada tahun 2020.
14. Secara jelas, untuk makluman Yang Berhormat Maharani, Kerajaan Negeri Johor sentiasa peka bagi meningkatkan tahap akauntabiliti, ketelusan, kecekapan perkhidmatan serta mengelakkan penyelewengan dan salah guna kuasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)  
SOALAN 46 (A166)**

Bagaimana kerajaan negeri dapat memastikan pembangunan seimbang dan mampan di Johor Tengah?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima Kasih Yang Berhormat Mengkibol. Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan berkenaan.

Kerajaan negeri sentiasa menyusun strategi bagi pembangunan seimbang dan mampan buat Johor Tengah dan tidak pernah meminggirkan mana-mana daerah lebih-lebih lagi di Daerah Kluang.

Pelbagai perancangan pembangunan termasuklah mengukuhkan sektor agro pertanian telah dirangka bagi mengukuhkan kedudukan Johor Tengah.

Untuk makluman Yang Berhormat Mengkibol, kandungan perancangan yang telah digariskan dalam Rancangan Struktur Negeri Johor 2030 juga menjadi panduan dalam memacu aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan Johor Tengah supaya iaanya dilihat mampu bersaing dalam membangunkan Negeri Johor.

Kerajaan negeri turut giat membuat persediaan Tahun Melawat Johor 2020 melalui pelbagai promosi pengiklanan baik di persada antarabangsa maupun tempatan yang secara langsungnya akan turut memperkenalkan Kluang dan kawasan Johor Tengah.

Kerajaan negeri akan membangunkan projek-projek pelancongan yang telah dikenal pasti di Simpang Renggam berdasarkan Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014-2025.

Kita juga sedia maklum, kerajaan negeri sedang merangka dan menyiapkan Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor 2019-2030.

Kumpulan perunding yang dilantik sedang dalam sesi libat urus bersama semua pemegang taruh termasuk juga pentadbiran daerah, tidak ketinggalan Daerah Kluang (Johor Tengah).

Sesi libat urus ini akan mengumpulkan maklumat mengenai potensi dan kelebihan sesuatu kawasan dalam membangunkan aktiviti ekonomi dalam tempoh jangka masa panjang.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI YASSIN (GAMBIR)  
SOALAN 47 (A212)**

YB Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Gambir meminta YAB Menteri Besar menyatakan pencapaian kerajaan negeri dalam membasmi kemiskinan dan membantu golongan B40 di negeri Johor.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman YB Gambir, sehingga 30 September 2019, statistik KIR eKasih keseluruhan di peringkat Nasional adalah sebanyak **653,910 KIR**. Bilangan KIR bagi Negeri Johor yang telah disahkan dalam sistem eKasih adalah sebanyak 25,390 KIR (3.9%). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 249 KIR (1.0%) berstatus Miskin Tegar, 3,473 KIR (13.7%) Miskin dan 21,668 KIR (85.3%) adalah Terkeluar.

Bagi statistik bilangan **KIR Miskin Tegar**, daripada **338 KIR pada 30 Jun 2019** telah **menurun sebanyak 26.3%** kepada **249 KIR Miskin Tegar pada 30 September 2019**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **103 KIR (43.2%)** kekal berstatus Miskin Tegar, **79 KIR (30.5%)** Miskin dan Terkeluar berubah status ke Miskin Tegar dan **68 KIR (26.3%)** adalah pendaftaran kes baharu.

Bilangan **KIR Miskin** pula telah menurun sebanyak **2.9% daripada 3,632 KIR pada 30 Jun 2019 kepada 3,473 KIR pada 30 September 2019**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **364 KIR (10.5%)** Miskin Tegar dan Terkeluar telah berubah status ke Miskin, **2,933 KIR (84.5%)** adalah kekal berstatus Miskin dan **176 KIR (5.0%)** adalah pendaftaran kes baharu.

Untuk makluman YB Gambir juga, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai bantuan kepada golongan yang berpendapatan terendah 40% (B40), Miskin dan Miskin Tegar. Pelbagai agenda dan Program Kemiskinan telah dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi pelaksana sepanjang tahun bagi membantu meringankan beban golongan miskin dan antaranya adalah seperti berikut:

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**

**STATUS JUMLAH PENERIMA BANTUAN MENGIKUT JENIS BANTUAN  
SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2019**

BIL	JENIS BANTUAN	KEMENTERIAN / JABATAN	BIL. PROJEK / PROGRAM	KOS KESELURUHAN (RM)
1	Program Bantuan Rumah	Bina Baharu	Baik Pulih	Bina Baharu
		Kementerian Pembangunan Luar Bandar	64	312
		Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor	91	103
		Majlis Agama Islam Negeri Johor	11	1
2	Program Sosio Kebajikan	Jabatan Kebajikan Masyarakat	48,086	141,453,195
		Majlis Agama Islam Negeri Johor	87,751	134,250,000
		FELCRA Negeri Johor	962	4,320,000
3	Program Ekonomi/Rezeki Tani	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	41	410,000
		Unit Strategi Modal Insan Johor	110	280,000
		Majlis Agama Islam Negeri Johor	96	257,572
4	Bantuan Pendidikan	Kementerian Pendidikan Malaysia	64,210	24,026,110
5	Bantuan Sara Hidup (BSH)	Lembaga Hasil Dalam Negeri	849,306	735,230,000
6	Program i-Suri	Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)	11,180	59,200
7	Program Rebat Elektrik RM40	Kementerian Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)	5,342	213,680
<b>JUMLAH</b>			<b>1,067,666</b>	<b>1,056,829,798</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019**